

5,800 pelajar terima kelengkapan sekolah

Archival News | Berita Harian | 16/01/2019 | Author: Oleh Ahmad Suhael Adnan | A-All

Kuala Lumpur: Sesi persekolahan 2019 bagi hampir 5,800 pelajar daripadagolongan kurang bernasib baik, lebih ceria apabila menerima sumbangankelengkapan persekolahan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menerusi program 'Back To School', TNB menyumbangkan sepersalinanseragam sekolah, beg dan alat tulis bernilai RM200 setiap seorang kepadapelajar dari 30 lokasi seluruh Semenanjung dan Sabah.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata syarikat utiliti itumembelanjakan RM1 juta untuk program itu tahun ini, bagi membantumeringankan beban ibu bapa daripada keluarga berpendapatan 40 peratusterendah (B40).

"Nilai sumbangan ini mungkin kecil untuk sesetengah keluarga, tetapibesar maknanya kepada ibu bapa penerima bantuan, khususnya yang mempunyailebih daripada seorang anak masih bersekolah.

"Pelaksanaan program 'Back To School' ini diharap dapat mendorong danmenyuntik semangat kepada semua terus berusaha gigih untuk berjaya dalampelajaran masing-masing," katanya berucap pada Majlis Penyerahan PakaianPersekolahan Sesi 2019 di sini, semalam.

Sejak diperkenalkan pada 2013, lebih 30,000 pelajar menerima bantuanmenerusi program Back To School TNB, dengan nilai keseluruhan sumbanganmencecah RM6.2 juta.

Pada majlis itu, Moggie menyampaikan sumbangan kepada 400 pelajardaripada enam sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Bangsar, SK BukitBandaraya, SK Bukit Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar, SMKBukit Bandaraya dan SMK Seri Pantai.

Moggie berkata, walaupun penerima bantuan program dikhususkan kepadapelajar berusia tujuh hingga 12 tahun, syarat itu dilonggarkan bagipelajar di sekitar Lembah Pantai.

"Kelonggaran ini dibuat atas dasar kos sara hidup yang tinggi di kawasanbandar atau dalam kata lain, wujudnya miskin bandar di kawasan ini,"katanya.

54 terima tajaan RM1,500

Mengulas lanjut, Moggie berkata, seramai 54 pelajar daripada tigasekolah menengah berkenaan, turut menerima tajaan berjumlah RM1,500setahun bagi tempoh tiga tahun, iaitu antara 2018 hingga 2020.

Katanya, tajaan itu bagi menampung keperluan asas persekolahan daripada Tingkatan Tiga hingga Tingkatan Lima, menerusi program Bantuan Pendidikan B40.

Malah, katanya, TNB membelanjakan lebih RM1 bilion untuk memberi manfaat kepada lebih 11,000 pelajar yang menerima tajaan, bantuan dan sokongan termasuk dermasiswa, biasiswa dan pinjaman boleh ubah, sejajar komitmen TNB memperkasakan pendidikan generasi pewaris serta membangunkan modal insan negara.

"Anak-anak ini adalah masa depan kita yang bakal membentuk negara. Masa depan negara hanya boleh menjadi lebih baik jika dapat dipupuk pada peringkat awal oleh semua pihak berkaitan," katanya.

Sementara itu, pelajar SK Bukit Pantai, Ridquan Ridzuan, 12, menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada TNB atas bantuan kelengkapan persekolahan yang diberikan.

"Saya hanya ada satu set baju sekolah untuk tahun ini dan hari ini sayangnya pakai baju tahun lalu.

"Saya gembira apabila TNB berikan beg sekolah, baju, seluar dan kasut baharu," katanya yang mahu memperoleh 6A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Mahu usaha lebih gigih

Bagi pelajar SMK Bukit Bandaraya, Ammerys Katrina Adam, 14, sumbangan TNB itu menjadikannya mahu berusaha lebih gigih untuk mencapai keputusan cemerlang dalam pelajaran.

"Saya gembira dengan bantuan ini yang membuatkan saya mahu berusaha lebih keras supaya berjaya pada masa depan," katanya yang bercita-cita untuk menjadi pereka bentuk dalaman.

Seorang lagi pelajar SMK Bukit Bandaraya, S Harikrishnaa, 14, menghargai bantuan kelengkapan persekolahan itu kerana ia dapat membantu meringankan beban ibu dan bapanya.

"Ibu dan bapa menasihatkan saya untuk menjadikan bantuan ini sebagai motivasi untuk belajar lebih rajin," katanya yang menetap di Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai.

(END)

Source By: Berita Harian